

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7234

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini aduan dan tangkapan yang telah dilakukan berhubung kes judi haram mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah;

- i) Memperhebatkan tindakan tegas pembanterasannya kegiatan mesin perjudian berkomputer (Op Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**
- ii) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**
- iii) Mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

- iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Kerajaan Tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.**
- v) Kementerian dalam cadangan untuk menubuhkan pasukan khas di peringkat Bukit Aman bagi membasmi masalah perjudian secara lebih berkesan. Penubuhan pasukan khas dengan kekuatan seramai 200 orang pegawai dan anggota akan membuat serbuan dan pemeriksaan pusat-pusat yang menganjurkan perjudian di seluruh negara.**
- vi) Membuat permohonan kepada pihak TNB dan SYABAS untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.**
- vii) Pihak Kementerian telah menyediakan satu nota makluman dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri tentang keperluan tindakan bersepadu antara pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pihak PDRM untuk mengekang kegiatan perjudian memandangkan pihak PBT mempunyai budi bicara bagi meluluskan dan membatalkan premis dan lesen untuk perniagaan “cybercafé” di kawasan pentadbiran masing-masing.**

Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan di seluruh negara bagi tahun 2014 (Januari - Ogos) seperti berikut:-

KONTINJEN	JUMLAH SERBUAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	JUMLAH IP	JUMLAH DITUDUH
	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014	JAN-OGOS 2014
K. LUMPUR	8614	939	2131	874	252
SELANGOR	17906	3364	3972	3364	1381
JOHOR	5363	1605	3231	1621	746
P.PINANG	4824	872	1320	872	793
SABAH	2728	387	770	528	118
PERAK	4302	767	1102	767	256
SARAWAK	2636	370	1316	909	249
PAHANG	2531	783	3872	783	303
KEDAH	3003	1147	2154	1147	858
N/SEMBILAN	3260	338	605	338	144
MELAKA	315	230	541	204	59
PERLIS	115	73	112	73	69
T/GANU	48	48	120	48	10
KELANTAN	499	70	190	70	16
JUMLAH	56144	10993	21436	11598	5254

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi (Op Dadu) yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku, namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.